



IKLAN SEBUT HARGA MAJLIS DAERAH JEMPOL

Bil	Gred/Kategori/ Pengkhususan	Rujukan Sebut Harga	Tajuk Tawaran	Jumlah	Bayaran Dokumen
1	G1 atau G2 (Bumiputera) <u>Kategori</u> ME-Mekanikal Dan Elektrik <u>Pengkhususan</u> M01- Sistem Hawa Dingin Dan Penedaran Udara E04- Pemasangan Voltan Rendah E11- Kerja Am Elektrik Sijil Suruhanjaya Tenaga Kelas C atau D	MDJL.400- 8/4/4	MEMBUKA, MEMBEKAL DAN MEMASANG PENGHAWA DINGIN SERTA KERJA- KERJA YANG BERKAITAN DI PEJABAT MAJLIS DAERAH JEMPOL, PEJABAT ONE STOP CENTRE DAN DEWAN BESAR MAJLIS DAERAH JEMPOL	1	RM 30.00

Dokumen sebut harga boleh disemak dan diperolehi dari Bahagian Pengurusan Aset Pejabat Majlis Daerah Jempol mulai **pada 07hb. Jun 2017 (Rabu)**. Dokumen sebut harga tidak akan dijual sebelum daripada tarikh di atas. Sebarang Penjualan borang adalah tertakluk kepada pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan (GST) ke atas perolehan kerajaan sebanyak 6% .

Bayaran harga dokumen dalam bentuk wang tunai atau money order atau bank draf hendaklah atas nama **Yang Dipertua, Majlis Daerah Jempol** dan hendaklah dijelaskan di kaunter Majlis Daerah Jempol pada waktu pejabat. Bayaran dokumen ini tidak akan dikembalikan kecuali dengan sebab-sebab yang munasabah.

Lawatan Tapak akan diadakan pada **07hb. Jun 2017 (Rabu)** pada jam **10.00 pagi** dan **pemborong perlu hadir sendiri bersama dokumen-dokumen asal**. Pemborong yang berminat untuk menyertai sebut harga ini hendaklah berkumpul di perkarangan **Majlis Daerah Jempol** sebelum **9.00 pagi** untuk pendaftaran. **Pendaftaran di tapak tidak dibenarkan.**

Borang yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam **PETI SEBUT HARGA** di Pejabat Majlis Daerah Jempol sebelum pukul **12.00 t/hari** pada **14hb. Jun 2017 (Selasa)**. **Sila lampirkan bersama Sijil Pendaftaran GST bersama dokumen sebut harga yang telah lengkap bagi yang memiliki sijil tersebut.**

Pemborong yang tidak menghadiri lawatan tapak, secara automatik tidak akan dikeluarkan borang kepada yang berkenaan. Pemborong dikehendaki membawa "surat-surat pendaftaran asal" beserta salinan-salinannya ketika membeli Dokumen Sebut harga.

Majlis Daerah Jempol tidak akan terikat menerima tawaran yang terendah atau sebagainya atau memberikan apa-apa sebab sesuatu sebut harga itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab di atas segala kos perbelanjaan berhubung dengan sebut harga ini

SYARAT-SYARAT SEMASA MENGHADIRI LAWATAN TAPAK

1. Pemborong adalah daripada syarikat yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Suruhanjaya Tenaga (ST), Lembaga Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK).
2. **Pemborong yang hadir dalam lawatan tersebut adalah tidak dibenarkan mewakili syarikat lain walaupun mempunyai surat pengesahan wakil lawatan tapak .**
3. Pemborong dikehendaki membawa bersekali sijil-sijil asal pendaftaran semasa lawatan tapak.
4. Pemborong adalah daripada kontraktor bumiputera Gred G1 atau G2 yang berdaftar dengan Majlis Daerah Jempol pada tahun 2017 dan pendaftaran masih sah atau telah memperbaharui pendaftaran.
5. Pemborong dikehendaki berkumpul terlebih dahulu di perkarangan Pejabat Majlis Daerah Jempol sebelum memulakan lawatan tapak.
6. Pendaftaran untuk menyertai lawatan tapak selepas jam 10.00 pagi tidak akan dilayan kecuali dengan sebab-sebab munasabah.

.....
HAJI ZAZALI BIN SALEHUDIN
YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH JEMPOL
TARIKH PENGIKLANAN: MEI 2017